

# **KAJIAN TAHAP PENGHAYATAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA SWASTA DI SELANGOR**

Noorkharilhuda binti Ibrahim<sup>1</sup>

## **Abstrak**

*Kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap proses pembelajaran Pendidikan Islam sangat penting dalam membentuk peribadi pelajar kerana generasi mereka yang akan mewarisi tampuk pimpinan akan datang. Bukan sekadar pengetahuan yang diharapkan malah penghayatan mereka terhadap apa yang dipelajari dari subjek Pendidikan Islam itu lebih penting agar dapat diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku dan sahsiah mereka. Justeru itu, kajian ini membincangkan tahap penghayatan Pendidikan Islam para pelajar sekolah menengah agama swasta di Selangor. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif ke atas 247 orang pelajar sekolah menengah agama swasta di Selangor dengan menggunakan borang soal selidik penghayatan pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam yang telah diadaptasi dari kajian lepas. Di dalam kajian ini, statistik deskriptif dalam bentuk skor min digunakan. Hasil kajian menunjukkan tahap penghayatan Pendidikan Islam para pelajar di sekolah menengah agama swasta di Selangor berada di tahap yang tinggi.*

**Kata kunci :** Penghayatan; Pendidikan Islam

## **PENGENALAN**

Penghayatan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah seorang pelajar yang melaksanakan tanggungjawab sebagai umat Islam secara sukarela dan kehendak sendiri, atau mengamalkan apa yang dipelajari dari pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam secara berterusan dalam kehidupan harian sehingga meresap ke jiwa dan melahirkan pelajar yang berakhhlak. Malah, mengamalkan ilmu yang ada adalah satu perkara yang dituntut dalam Islam. Sebagaimana sabda-sabda Nabi Muhammad SAW yang berkaitan anjuran berilmu pengetahuan; H.R Abu Syaikh:

“pengetahuan (ilmu) itulah hidupnya Islam dan tiangnya iman. Barang siapa mengajarkannya, Allah menyempurnakan pahalanya dan barang siapa mempelajarinya dan terus mengamalkannya, Allah akan menunjukkan hal-hal yang belum diketahuinya”

(Abdullah, 1980)

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan pelajar Sarjana Sains Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Zaini (2009) juga menyatakan, konsep ilmu ini tidak terhad kepada ilmu, kefahaman atau kemahiran yang dimiliki semata-mata, ilmu yang diperoleh perlu diamalkan bagi mewujudkan sesebuah budaya dan masyarakat berilmu. Malah, Imam al-Ghazali dan Ibn Maskawaih menyatakan bahawa jika seseorang itu menguasai ilmu dan mengamalkannya, nescaya kekuatan rohaninya meningkat dan ia salah satu cara mendekatkan diri kepada Allah SWT (Mohd Nor, 2011).

Walau bagaimanapun, menurut Mohamad Faisal (2005), terdapat ramai pelajar yang lulus bagi mata pelajaran Pendidikan Islam tetapi kelulusan ini tidak dapat memberi jaminan sepenuhnya bahawa apa yang dipelajari mereka selama ini, dapat dihayati, seterusnya diterjemahkan dengan sebaiknya dalam amalan kehidupan seharian mereka. Secara umum, faktor yang mempengaruhi penghayatan para pelajar pastilah keluarga dan guru. Keluarga merupakan pendorong utama kepada pelajar untuk melakukan perkara yang melanggar disiplin (On Mui Kwei , 2007). Walau bagaimanapun ia bergantung kepada gaya didikan yang diamalkan oleh ibu bapa, sama ada gaya autokratik, autoritatif dan *permissive*. Autokratik adalah satu cara di mana ibu bapa lebih bersikap memberi arahan kepada anak-anak. Autoritatif pula dilihat bersifat agak lembut dan terdapat persepakatan antara anak dan ibu bapa. Manakala, *Permissive* atau pemberi kebenaran lebih kepada memberi kebebasan kepada anak-anak dalam membuat sesuatu keputusan (Mashitah, 2002). Apabila dilihat kepada ketiga-tiga cara ini cara kedua adalah cara yang terbaik kerana di situ akan wujud komunikasi dua hala antara anak dan ibu bapa. Ini kerana komunikasi adalah salah satu perkara yang penting dalam membentuk tingkah laku anak atau pelajar (Che Su, Nureda dan Munif Zarirrudin, 2005). Selain faktor itu, faktor guru, persekitaran rakan sebaya dan media massa juga mempengaruhi penghayatan para pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Zawiyah (2008) juga mengkaji faktor media massa dalam mempengaruhi amalan solat pelajar. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa, 78.8% responden bersetuju mereka menangguhkan solat disebabkan menonton TV dan CD. Min bagi media massa (televisyen dan CD) ini berada di tahap yang tinggi iaitu 4.11. Selain itu, kecanggihan media massa dan ICT juga telah melalaikan mereka dari mendirikan solat. Berdasarkan kajian lepas, jelas faktor ibu bapa, guru, persekitaran sekolah, rakan dan media massa merupakan faktor yang mempengaruhi penghayatan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Namun begitu, beberapa kajian telah dijalankan terhadap penghayatan Pendidikan Islam para pelajar dalam pelbagai aspek dan dapatkan kajian mendapati penghayatan para pelajar semakin meningkat baik. Antaranya, pengkaji lepas yang melakukan kajian berkaitan tahap penghayatan pendidikan Islam ialah Ismail, Mohd Yusof, Jawiah, Lilia, Zakaria, Ibrahim, Halim, Ahmad Munawar, Abrar, Shamsul Shah, Shamsul Azhar, Siti Maheran dan Noor Atiqah (2011), Mohd Hairudin (2009) dan Azma (2006). Walaupun kajian ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah agama swasta, apabila pengkaji melihat hasil dapatkan beberapa pengkaji lepas yang dijalankan di sekolah harian yang melibatkan pelbagai jenis sekolah, dan dapatkan kajian tersebut

menyatakan tahap penghayatan parapelajar di sekolah tersebut berada di tahap yang tinggi. Begitu juga dengan dapatan kajian ini, hasil dapatan menunjukkan pelajar sekolah menengah agama swasta berada di tahap yang tinggi. Oleh sebab itu, pengkaji berpendapat tahap penghayatan para pelajar semakin baik apabila tahap penghayatan mereka berada di tahap yang tinggi.

Justeru, bagi meneruskan kelangsungan hidup, seseorang perlukan ilmu. Ilmu yang dihayati dan diamalkan. Ilmu yang dirasai dengan jiwa sehingga mampu membentuk sebuah budaya dan masyarakat yang bertamadun. Sebagaimana ilmu yang diperoleh oleh para pelajar semasa sesi pembelajaran Pendidikan Islam, ilmu ini haruslah dihayati dan diamalkan agar mampu membentuk generasi yang bertamadun, beradab dan mempunyai budi pekerti yang mulia. Sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Islam, di mana matlamat akhir falsafah tersebut dapat melahirkan individu dan masyarakat yang cemerlang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan pengutipan data menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas. Responden dikehendaki membaca arahan sebelum menjawab borang soal selidik yang diberi secara persendirian mengikut pengetahuan masing-masing tanpa bantuan pelajar lain. Skala Likert tiga pilihan digunakan dalam borang soal selidik bagi responden menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap setiap item dalam borang soal selidik. Setiap borang soal selidik yang dijawab oleh responden akan dikumpul dari setiap sekolah yang terlibat dan disemak terlebih dahulu sebelum data dianalisis. Instrumen kajian ini mengandungi 20 item.

## **SAMPEL KAJIAN**

Kajian ini melibatkan 247 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah agama swasta di Selangor dari enam buah sekolah iaitu, Sekolah Menengah Kiblah Sungai Merab Bangi, Sekolah Menengah Islam Abim Sungai Ramal Dalam Kajang, Sekolah Menengah Adni Taman Sri Ukay Ampang, Sekolah Menengah Hafiz Jalan Pos Baru Klang, Sekolah Menengah Ibnu Khaldun Shah Alam dan Sekolah Menengah Islam Hira' Jeram Kuala Selangor. Responden kajian ini dipilih secara rawak sebagai teknik persampelan dalam kajian.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dua puluh (20) item yang dibina berdasarkan silibus mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 serta diadaptasi dari kajian Ismail et al. (2011) dan Azma (2006) dianalisis menggunakan data deskriptif. Pengukuran penghayatan responden dibuat berdasarkan sejauhmana kefahaman responden dalam menghayati tentang apa yang mereka telah pelajari dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Pengukuran yang dibuat meliputi lima aspek iaitu, bab Aqidah, Tilawah al-Quran dan Hadis, Ibadah, Sirah dan Tamadun dan Akhlak. Bagi memudahkan perbincangan, jawapan bagi skala setuju (S) merujuk kepada responden menghayati tentang aspek yang dikaji. Manakala, jawapan bagi skala tidak setuju (TS) dan tidak (TP) merujuk kepada responden tidak menghayati tentang aspek yang dikaji.

Item B01 hingga B04 dalam Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan bagi mengukur penghayatan responden terhadap aspek Aqidah dalam Pendidikan Islam. Hasil dapatan menunjukkan peratusan tertinggi responden kajian mempunyai tahap pengetahuan sebanyak 91.1% (225) responden terhadap pernyataan ‘Saya tidak terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang boleh menjelaskan akidah saya. (cth: Black Metal) (item B01). Manakala, peratusan responden kajian yang tidak menghayati adalah 8.9% (22). Bagi item B02 pula, peratusan majoriti 96% (237) responden kajian menghayati pernyataan bahawa ‘Saya sentiasa berusaha menyempurnakan solat 5 waktu dengan sempurna kerana solat mampu menghalang seseorang dari melakukan kejahanan. Manakala, 4.0% (10) responden kajian tidak menghayatinya. Bagi pernyataan item B03, ‘Saya merasa diperhati oleh Allah setiap kali melakukan sesuatu perkara sama ada perkara baik atau buruk., peratus responden kajian mempunyai tahap penghayatan mengenainya sebanyak 91.1% (225) responden. Manakala, hanya 8.9% (22) responden kajian sahaja yang tidak menghayatinya. Seterusnya, item B04 menunjukkan majoriti 94.8% (234) responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap pernyataan ‘Saya benci kepada orang yang melanggar perintah Allah. Manakala 5.2% (13) responden kajian tidak menghayatinya. Secara keseluruhan peratusan tahap penghayatan responden kajian tentang Aqidah adalah tinggi pada item B02, iaitu ‘Saya sentiasa berusaha menyempurnakan solat 5 waktu dengan sempurna kerana solat mampu menghalang seseorang dari melakukan kejahanan’, majoriti 96% (237) responden menghayatinya.

Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar sekolah menengah agama swasta ini mempunyai tahap penghayatan Aqidah yang tinggi memandangkan majoriti semua item memperoleh peratusan yang tinggi. Pengkaji percaya apabila memperkatakan tentang Aqidah, ia melibatkan tentang pegangan agama seseorang. Perkara ini akan menjadi sesuatu pegangan kuat bagi seseorang yang beragama, maka tidak mustahil responden kajian mempunyai tahap penghayatan Aqidah yang tinggi. Bahkan pernyataan BO2 96% menunjukkan responden kajian sentiasa berusaha cuba menyempurnakan solat 5 waktu dengan sempurna.

JADUAL 1: Taburan Kekerapan Penghayatan Responden Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam (Aqidah)

BIL	Tahap Penghayatan	Kekerapan		
		TS	TP	S
<b>AQIDAH</b>				
B01	Saya tidak terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang boleh menjasakan akidah saya. (cth: Black Metal)	14 (5.7%)	8 (3.2%)	225 (91.1%)
B02	Saya sentiasa berusaha menyempurnakan solat 5 waktu dengan sempurna kerana solat mampu menghalang seseorang dari melakukan kejahanan.	2 (0.8%)	8 (3.2%)	237 (96.0%)
B03	Saya merasa di perhati oleh Allah setiap kali melakukan sesuatu perkara sama ada perkara baik atau buruk.	4 (1.6%)	18 (7.2%)	225 (91.1%)
B04	Saya benci kepada orang yang melanggar perintah Allah.	6 (2.4%)	7 (2.8%)	234 (94.8%)

Jadual 2 menunjukkan pernyataan bagi item B05 hingga B08 yang mengukur penghayatan responden terhadap aspek Tilawah al-Quran dan Hadis dalam Pendidikan Islam. Pernyataan bagi item B05 adalah merujuk kepada ‘Saya tidak meninggikan suara kepada ibu bapa dan guru apabila saya marah, peratusan tertinggi responden kajian mempunyai tahap penghayatan ialah sebanyak 71.7% (177) responden. Selebihnya, 28.3% (70) responden tidak menghayatinya. Seterusnya, majoriti 69.7% (172) daripada responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap pernyataan yang merujuk ‘Saya mudah memaafkan kesalahan orang lain.’

dalam item B06. Manakala, peratus responden kajian yang tidak menghayatinya adalah 30.3% (75) responden. Bagi item B07, 93.1% (230) responden kajian yang mempunyai tahap penghayatan terhadap pernyataan ‘Saya merasa berdosa jika melanggar perintah Allah’ manakala, 6.9% (17) responden kajian tidak menghayatinya. Bagi item B08, majoriti 92.7% (229) responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap pernyataan ‘Saya merasa tenang setelah bertaubat’ manakala, 7.3% (18) responden kajian tidak menghayatinya. Secara keseluruhannya peratus responden kajian yang mempunyai tahap penghayatan tentang Tilawah al-Quran dan Hadis adalah tinggi pada item B07 iaitu ‘Saya merasa berdosa jika melanggar perintah Allah’, majoriti 93.1% (230) responden kajian menghayatinya.

Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek yang melibatkan perasaan (B07 dan B08) lebih tinggi peratus kekerapan berbanding aspek tingkah laku iaitu B05 dan B06, di mana setiap item dalam aspek perasaan memperoleh 90% ke atas berbanding aspek tingkah laku yang hanya memperoleh 70% ke bawah. Pengkaji percaya 58.6% responden kajian dari aspek tingkah laku ini kebanyakannya tidak pasti terhadap jawapan yang diberi. Ini kerana berdasarkan profil demografi responden berkenaan kemudahan komunikasi, peratus tertinggi responden yang mempunyai akaun sosial yang aktif sebanyak 88.7%. kebanyakan masa mungkin digunakan untuk melayari akaun sosial ini.

**JADUAL 2:** Taburan Kekerapan Penghayatan Responden Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam (Tilawah al-Quran dan Hadis)

BIL	Tahap Penghayatan	Kekerapan		
		TS	TP	S
Tilawah al-Quran dan Hadis				
B05	Saya tidak meninggikan suara kepada ibu bapa apabila saya marah	22 (8.9%)	48 (19.4%)	177 (71.7%)
B06	Saya mudah memaafkan kesalahan orang lain.	10 (4.0%)	65 (26.3%)	172 (69.7%)
B07	Saya merasa berdosa jika melanggar perintah Allah.	6 (2.4%)	11 (4.5%)	230 (93.1%)
B08	Saya merasa tenang setelah bertaubat.	1 (0.4%)	17 (6.9%)	229 (92.7%)

Seterusnya, item B09 hingga B12 adalah mengukur penghayatan responden terhadap aspek Ibadah dalam Pendidikan Islam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Peratusan responden kajian mempunyai tahap penghayatan bagi item B09 iaitu ‘Saya sentiasa solat malam (bertahajud) sama ada di asrama atau di rumah’ hanya 34.8% (86) responden. Manakala, responden kajian yang tidak menghayatinya memperoleh majoriti 65.2% (161) responden. Majoriti 78.7% (219) responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap ‘Saya tidak meninggalkan puasa di bulan Ramadhan dengan sengaja’ dalam item B10. Hanya 11.3% (13) responden kajian tidak menghayatinya. Pernyataan ‘Saya merasa bertanggungjawab mengganti puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadhan’ bagi item B11, majoriti 94.8% (234) responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadapnya. Manakala, 5.2% (13) responden kajian tidak menghayatinya. Seterusnya, bagi pernyataan ‘Saya membaca dan mentadabbur al-Quran sehingga menitiskan air mata’ (item B12), hanya 36% (89) responden kajian sahaja yang menghayatinya dan selebihnya adalah responden kajian yang tidak mempunyai tahap penghayatan terhadapnya sebanyak 64% (158) responden. Secara keseluruhannya peratusan tahap penghayatan responden kajian tentang Ibadah adalah tinggi pada item B11 iaitu ‘Saya merasa bertanggungjawab mengganti puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadhan’, majoriti 94.8% (234) responden menghayatinya.

Dapatan bagi item B09 dan item B12 yang memperoleh 64% ke atas menunjukkan bahawa responden kajian kurang menghayati ibadah-ibadah sunat berbanding ibadah wajib. Ini merpelihat bahawa tahap penghayatan mereka terhadap sub topik Ibadah ini kurang dihayati apabila hanya 36% ke bawah sahaja yang menghayatinya, sedangkan untuk mencapai tahap penghayatan yang tinggi dalam ibadah, ibadah-ibadah sunat sangat digalakkan melakukannya.

**JADUAL 3:** Taburan Kekerapan Penghayatan Responden Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam (Ibadah)

<b>BIL</b>	<b>Tahap Penghayatan</b>	<b>Kekerapan</b>		
		<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>
<b>Ibadah</b>				
B09	Saya sentiasa solat malam (bertahajud) sama ada di asrama atau di rumah.	53 (21.4%)	108 (43.7%)	86 (34.8%)
B10	Saya tidak meninggalkan puasa di bulan Ramadhan dengan sengaja.	12 (4.8%)	16 (6.5%)	219 (78.7%)
B11	Saya merasa	5	8	234

	bertanggungjawab mengganti puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadhan.	(2.0%)	(3.2%)	(94.8%)
B12	Saya membaca dan mentadabbur al-Quran sehingga menitiskan air mata .	44 (17.8%)	114 (46.2%)	89 (36.0%)

Bagi mengukur penghayatan responden terhadap aspek Sirah dan Tamadun dalam Pendidikan Islam, Jadual 4 menunjukkan peratus tertinggi responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap pernyataan ‘Saya sentiasa mendahulukan kawan-kawan dari diri sendiri’ (item B13) sebanyak 57.5% (142) responden. Manakala, responden yang tidak menghayatinya adalah 42.5% (105) responden. Bagi item B14, majoriti 79% (195) responden kajian mempunyai tahap penghayatan terhadap ‘Saya tidak menjadikan akhlak Nabi dan Sahabat sebagai ikutan dalam kehidupan’. Selebihnya, adalah responden kajian yang tidak menghayatinya sebanyak 21% (52) responden. Bagi pernyataan item B15 iaitu ‘Saya tidak akan membuka aurat walau pun diberi ganjaran yang lumayan’, sebanyak 85% (210) responden kajian menghayatinya. Manakala, hanya 15% (37) responden sahaja yang tidak menghayatinya. Item B16 menunjukkan majoriti 94.8% (234) responden kajian menghayati dengan pernyataan ‘Saya merasa bimbang apabila banyak musuh-musuh Islam tersebar luas menyebabkan umatnya berpecah belah. (Contoh: Syiah)’, manakala 5.2% (13) responden tidak menghayatinya. Secara keseluruhannya peratus tahap penghayatan responden kajian tentang Sirah dan Tamadun adalah tinggi pada item B16 iaitu ‘Saya merasa bimbang apabila banyak musuh-musuh Islam tersebar luas menyebabkan umatnya berpecah belah. (Contoh: Syiah)’, majoriti 94.8% (234) responden menghayatinya.

Dapatan bagi jadual 16 pula, hanya item B13 yang mempunyai tahap peratusan yang terendah iaitu hanya 57.5% responden kajian yang menghayatinya. Pernyataan bagi item B13 ialah ‘Saya sentiasa mendahulukan kawan-kawan dari diri sendiri’. Pengkaji berpendapat responden kajian lebih menjurus ke arah jawapan tidak pasti apabila sebanyak 33.6% yang menjawab tidak pasti bagi item ini. Tambahan lagi item ini melibatkan kepentingan diri responden kajian sendiri, menjadikan ia lebih sukar untuk dijawab dengan tepat.

**JADUAL 4: Taburan Kekerapan Penghayatan Responden Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam (Sirah dan Tamadun)**

BIL	Tahap Penghayatan	Kekerapan		
		TS	TP	S
Sirah dan Tamadun				
B13	Saya sentiasa mendahuluikan kawan-kawan dari diri sendiri	22 (8.9%)	83 (33.6%)	142 (57.5%)
B14	Saya menjadikan akhlak Nabi dan Sahabat sebagai ikutan dalam kehidupan.	20 (8.0%)	32 (13.0%)	195 (79.0%)
B15	Saya tidak akan membuka aurat walau pun diberi ganjaran yang lumayan.	18 (7.3%)	19 (7.7%)	210 (85.0%)
B16	Saya merasa bimbang apabila banyak musuh-musuh Islam tersebar luas menyebabkan umatnya berpecah belah. (Cth: Syiah)	6 (2.4%)	7 (2.8%)	234 (94.8%)

Akhir sekali, item B17 hingga B20 dalam Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan bagi mengukur penghayatan responden terhadap aspek Akhlak dalam Pendidikan Islam. Peratusan tertinggi responden kajian mempunyai tahap penghayatan sebanyak 88.3% (218) bagi item B17 iaitu ‘Saya menghormati orang yang lebih tua dari saya sama ada saya kenal atau tidak’. Manakala, responden yang tidak menghayati adalah sebanyak 11.7% (29) responden. Majoriti 85.9% (212) responden kajian mempunyai tahap penghayatan bagi pernyataan ‘Saya sentiasa menjaga tingkahlaku dan cara pemakaian saya walau di mana pun saya berada’ untuk item B18. Selebihnya 14.1% (35) responden tidak menghayati dan bagi pernyataan ‘Saya suka membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan’ untuk item B19 pula, majoriti 81.8% (202) responden kajian menghayatinya. Manakala, hanya 18.2% (45) responden kajian tidak menghayatinya. Bagi item terakhir iaitu item B20, pernyataan ‘Saya sangat sedih melihat akhlak orang Islam sekarang yang tidak mencerminkan seorang penganut agama Islam’, majoriti 90.7% (224) responden

kajian menghayatinya dan hanya 9.3% (23) responden kajian tidak menghayatinya. Secara keseluruhannya peratus tahap penghayatan responden kajian tentang Akhlak adalah tinggi pada item B20 iaitu ‘Saya sangat sedih melihat akhlak orang Islam sekarang yang tidak mencerminkan seorang penganut agama Islam’, sebanyak 80.7% (224) responden kajian menghayatinya.

Dapatkan sub topik Akhlak ini menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap penghayatan tinggi terhadap sub topik ini apabila kesemua item memperoleh 80% ke atas. Ini membuktikan para responden sentiasa berusaha melakukan perkara yang baik apabila item B17 hingga B20 menunjukkan item-item ini melibatkan peribadi individu secara langsung.

**JADUAL 5:** Taburan Kekerapan Penghayatan Responden Terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam (Akhlak)

BIL	Tahap Penghayatan	Kekerapan		
		TS	TP	S
Akhlak				
B17	Saya menghormati orang yang lebih tua dari saya sama ada saya kenal atau tidak.	13 (5.2%)	16 (6.5%)	218 (88.3%)
B18	Saya sentiasa menjaga tingkah laku dan cara pemakaian saya walau di mana pun saya berada.	9 (3.6%)	26 (10.5%)	212 (85.9%)
B19	Saya suka membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan.	4 (1.6%)	41 (16.6%)	202 (81.8%)
B20	Saya sangat sedih melihat akhlak orang Islam sekarang yang tidak mencerminkan seorang penganut agama Islam.	7 (2.8%)	16 (6.5%)	224 (90.7%)

Kesimpulan dari jadual 1, 2, 3, 4 dan 5 di atas menunjukkan kekerapan, peratusan, min serta sisihan piawai bagi tahap penghayatan. Sebanyak 20 item soalan yang telah dikemukakan pada bahagian ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa item yang mendapat peratusan yang tertinggi ialah item B02 “Saya sentiasa berusaha menyempurnakan solat 5 waktu dengan sempurna kerana solat mampu menghalang seseorang dari melakukan kejahanatan” sebanyak 96% responden yang menghayatinya. Diikuti dengan item B04 “Saya benci kepada orang yang melanggar perintah Allah”, B11 “Saya merasa bertanggungjawab mengganti puasa yang ditinggalkan pada bulan Ramadhan” dan B16 “Saya merasa bimbang apabila banyak musuh-

musuh Islam tersebar luas menyebabkan umatnya berpecah belah (Cth: Syiah)” sebanyak 94.8% responden yang menghayatinya. Manakala item yang mendapat peratus terendah ialah item B09 “Saya sentiasa solat malam (bertahajud) sama ada di asrama atau di rumah” hanya 34.8% yang menghayatinya.

Selain itu, tahap penghayatan pelajar diukur berdasarkan kefahaman dan pengadaptasian mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian. Pengkaji menggunakan teknik *cut off point* daripada perisian SPSS 2.0. bagi mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam tiga tahap seperti jadual 6 bagi mengetahui tahap penghayatan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Min bagi penghayatan responden ialah,  $\text{min}=55.04$  ( $\text{Sp}=3.62$ ). Dapatkan yang diperoleh menunjukkan sebanyak 28.3% (70) responden mempunyai tahap penghayatan yang rendah, 32% (79) penghayatan responden berada pada tahap yang sederhana dan sebanyak 39.7% (98) responden adalah pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, tahap penghayatan Pendidikan Islam responden adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan peratusan responden sebanyak 39.7% (98). Maka, tahap penghayatan responden terhadap pembelajaran Pendidikan Islam berada di tahap yang tinggi. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Ismail et al. (2001) yang menunjukkan dapatan mereka terhadap penghayatan pendidikan Islam ini tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar Islam di Malaysia. Selain itu, kajian seperti ini juga telah dilakukan oleh Mohd Hairudin (2009) di Johor dan hasil dapatan kajian menunjukkan tahap penghayatan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

Jadual 6: Tahap Penghayatan responden terhadap Pembelajaran Pendidikan Islam

<b>Tahap Penghayatan</b>		<b>n</b>	<b>%</b>
>59	Tinggi	98	39.7
54 hingga 58	Sederhana	79	32
<53.00	Rendah	70	28.3

## KESIMPULAN

Dapatkan daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa responden sekolah menengah agama swasta menghayati apa yang telah dipelajari dari mata pelajaran Pendidikan Islam, seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, para responden masih lemah dalam ibadah-ibadah sunat yang terbentuk bagi penyucian jiwa yang mana peratusan berada dalam lingkungan 35%. Dicadangkan agar ibu bapa lebih menitikberatkan tentang pendidikan Islam atau pendidikan agama anak-anak, seperti mengadakan majlis ilmu dalam kalangan ahli keluarga dan aktiviti-aktiviti atau majlis-majlis yang boleh meningkatkan penghayatan anak-anak terhadap agama. Pihak sekolah pula, mengadakan kelas-kelas belajar al-Quran yang akan melibatkan ibu bapa dan para pelajar. Di samping memberi ilmu pengetahuan terhadap ibu bapa

dan para pelajar, kelas ini akan membantu mengeratkan lagi hubungan antara pelajar dan ibu bapa serta ibu bapa dan guru. Malah, program-program seperti ini akan meningkatkan lagi tahap penghayatan Islam mereka. Selain itu, media harus memperbanyakkan lagi saluran-saluran agama yang boleh meningkatkan tahap penghayatan seseorang terhadap pendidikan Islam atau pendidikan agama dalam kehidupan seharian, seperti program yang telah ada iaitu Tanyalah Ustaz di saluran TV9, TV al-Hijrah, saluran Astro Oasis dan lain-lain Justeru, semua pihak perlu bersama-sama mengembeling tenaga dalam usaha memperkasakan penghayatan Pendidikan Islam semasa ke semasa bagi memastikan generasi hari esok tidak buta agama dalam mengurus tadbir negara.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Siddik. (1980). *Islam dan Ilmu Pengetahuan*. (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Su Mustaffa, Nureda Omar Dan Munif Zarirrudin Fikri Nordin. (2005). *Implikasi Komunikasi Keluarga Dan Komunikasi Institusi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh*. Changlun,Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Ismail Ibrahim, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, Ibrahim Abu Bakar, Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Abrar Idris, Shamsul Shah Tarjo, Shamsul Azhar Yahya, Siti Maheran Ismail@Ibrahim dan Noor Atiqah Abd Rahman. (2011). *Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Kebangsaan*. Laporan Penyelidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Faisal Hj. Ahmad. (2005). Pengajaran Pengajian Islam Dalam Pembentukan Akhlak Dan Sikap Pelajar IPTS: Kajian Di Kolej Yayasan Melaka. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hairudin bin Amin. 2009. *Pendidikan Islam di Johor: Perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nor Jusoh. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn Bhd.

Mashitah Awang Ahmad. (2002). *Gaya Keibubapaan Dan Kaitannya Dengan Corak Hubungan Sosial Di Kalangan Remaja*. Tesis Sarjana. Changlun, Kedah: Universiti Utara Malaysia.

On Mui Kwei. (2007). *Tingkah Laku Murid Yang Melanggar Peraturan Di Kalangan Mrid Tahun 3 Di Sebuah Sekolah Rendah Di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zaini Ujang. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan* (Edisi kedua). Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Zawiyah Ahmad. (2008). *Pengabaian Amalan Solat Fardhu Di Kalangan Pelajar Sekolah-sekolah Menengah Daerah Kuala Pilah Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.